Amir bin Khamis lwn Ravie a/l D Subramaniam dan yang lain

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO MT3–12–75 TAHUN 2006
SURAYA OTHMAN H
15 JUN 2010

Tort — Ganti rugi — Kemalangan jalanraya — Rayuan — Isu liabiliti dan kuantum — Sama ada keputusan mahkamah sesyen atas isu liabiliti tepat dan sah — Kuantum yang diberi — Sama ada jumlah berpatutan — Sama ada mahkamah harus campur tangan dalam pelaksanaan kuasa budi bicara oleh hakim mahkamah sesyen

Di dalam kes ini, perayu/plaintif merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') atas isu liabiliti dan kuantum. HMS tersebut telah memutuskan bahawa tuntutan plaintif ditolak dengan kos. Berdasarkan keterangan plaintif, apabila beliau tiba di Persiaran Kelang, Taman Alam Megah, Shah Alam sebuah motorlori daripada arah bertentangan secara tiba-tiba membelok ke kanan dan masuk ke laluan plaintif dan seterusnya melanggar plaintif serta motosikalnya. Merujuk kepada keterangan defendan pula, defendan menyatakan bahawa walaupun beliau memandu motorlori pada masa tersebut, beliau tidak terlibat dengan kemalangan tersebut di sepanjang jalan yang berkaitan. HMS telah mendapati bahawa plaintif tidak mengetahui nombor pendaftaran motorlori yang telah melanggar beliau. Walaupun beliau menyatakan No WFV 5606 di dalam laporan polis beliau, nombor tersebut sebenarnya telah diberikan oleh seorang anggota polis, SP7, ketika beliau membuat laporan tersebut. HMS telah memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan bahawa motorlori No WFV 5606 telah terlibat dengan kemalangan tersebut atas alasan; keterangan SP8, pegawai penyiasat, melibatkan percanggahan yang ketara, keterangan SP7 yang diberikan mengenai cara beliau memperolehi nombor pendaftaran motorlori tersebut dan kehilangan kertas siasatan adalah sukar diterima dan juga tiada sebarang bukti bahawa terdapat kerosakan pada motorlori tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan plaintif dengan kos:

(1) HMS telah membuat satu dapatan dan keputusan yang betul mengenai isu liabiliti dalam kes ini. Keputusan HMS menolak versi plaintif atas alasan keterangan plaintif yang bercanggah-canggah selain tidak disokong oleh keterangan bisu adalah satu keputusan yang betul. Mahkamah juga berpuas hati bahawa perayu/plaintif gagal untuk menunjukkan bahawa keputusan HMS adalah khilaf di sisi undang-undang dan bertentangan dengan keberatan keterangan yang

dikemukakan di hadapannya yang mewajarkan gangguan dibuat terhadap penemuan fakta tersebut. Oleh yang demikian, keputusan HMS menolak tuntutan plaintif di sini juga adalah merupakan satu keputusan yang betul dan keputusan itu tidak wajar diganggu atau diubah pada peringkat ini (lihat perenggan 28).

(2) Bagi isu kuantum, perayu/plaintif tidak berjaya untuk membuktikan atau memuaskan hati mahkamah yang menjalankan kuasa rayuan ini bahawa 'the 'Judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these or other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered', berpandukan kepada prinsip yang dirujuk oleh kes *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214. Oleh itu, kesemua award yang diberikan oleh HMS berhubung dengan isu kuantum tidak patut diganggu dan wajar untuk dikekalkan (lihat perenggan 37).

[English summary

In this case, the appellant/plaintiff appealed against the sessions court judge's ('SCJ') decision on issues of liability and quantum. The SCJ decided that the plaintiff's claim be dismissed with costs. Based on the plaintiff's evidence, when he arrived at the Persiaran Kelang, Taman Alam Megah, Shah Alam, a lorry from the opposite direction suddenly turned right and entered into the plaintiff's path and collided with the plaintiff and his motorcycle. Referring to the defendant's testimony, he contended that although he was driving the lorry at that time, he was not involved in the accident along the relevant road. The SCJ found that the plaintiff did not know of the registration number of the lorry that hit him. Although he stated No WFV 5606 in his police report, the number was actually given by a member of the police, SP7, when he made the report. The SCJ decided that the plaintiff had failed to prove that the lorry No WFV 5606 was involved in the accident on the grounds, inter alia, the testimony by SP8, the investigation officer, involved obvious contradictions, testimony by SP7 which was given as to how he obtained the registration number of the lorry and lost of investigation paper was inacceptable and also there was no evidence that there were damages to the lorry.

Held, dismissing the plaintiff's appeal with costs:

(1) The SCJ made a correct finding and decision as to the issue of liability in this case. The SCJ's decision to reject the plaintiff's version on the ground that the plaintiff's testimony was contradictory, apart from not being supported by the silent evidence, was a correct decision. The court was satisfied that the plaintiff had failed to show that the SCJ's decision was wrong in law and against the weight of the evidence adduced before him to warrant an interference to the finding of fact. Therefore, the SCJ's

decision dismissing the plaintiff's claim here was also a correct decision and the decision should not be disturbed or varied at this stage (see para 28).

(2) For this issue of quantum, the plaintiff was unsuccessful in proving or satisfying the court carrying out the power of appeal that 'the 'Judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these or other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered', based on the principle referred to in the case of *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214. Therefore, all the award given by the SCJ with regards to the issue of quantum should not be disturbed and ought to be sustained (see para 37).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalanraya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 240–243.

Cases referred to

Cheng Siak Hor t/a United Penang Trading & Transport Agency & Anor v Rozali bin Ahmad [2002] 7 MLJ 275, MT (dirujuk)

China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163, MP (dirujuk)

Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung and another appeal [1997] 2 MLJ 465; [1997] 3 CLJ 189, MR (dirujuk)

Govinda Raju & Anor v Laws [1966] 1 MLJ 188 (dirujuk)

Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors [1995] 2 MLJ 646; [1995] 3 CLJ 395 (dirujuk)

Jamiah bt Holam v Koon Yin [1982] 1 MLJ 103; [1982] 1 LNS 89 (diikut)

Johari bin Khalid & Anor v Mohamed Zamri bin Khalid & Anor [1985] 1 MLJ 142, MP (dirujuk)

Karumalay a/l Vanniyan & Anor v Ananthan a/l Rethinam [2005] 3 MLJ 600; [2005] 2 CLJ 429, MR (dirujuk)

Khoon Chye Hin v PP [1961] MLJ 105 (dirujuk)

Lim Joo Chiang v Lim Siew Choo & Anor [1955] MLJ 201, PC (dirujuk)

Ludhiana Transport Syndicate & Anor v Chew Soo Lan & Anor [1979] 2 MLJ 207; [1979] 1 LNS 50, PC (dirujuk)

Manogharan a/l Veramuthu & Anor v Fauziah Md Isa [2005] 5 MLJ 34; [2005] 3 CLJ 217, MT (dirujuk)

Mohamad Khirul Mizan Shafie & Anor v Yue Ah Kai [2002] 8 CLJ 672, MT (dirujuk)

Mohd Yusof bin Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor [2006] 5 MLJ 825; [2006] 3 CLJ 825, MT (dirujuk)

Mohamed bin Kasdi v Public Prosecutor [1969] 1 MLJ 135 (diikut)

Nanyang Development (1966) Sdn Bhd v How Swee Poh [1970] 1 MLJ 145; [1969] 1 LNS 116, MP (dirujuk)
Ng Chul Sia v Maimon bt Ali [1983] 1 MLJ 110 (dirujuk)
Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip [1984] 2 MLJ 285; [1984] 1 CLJ 310 (Rep), MP (dirujuk)
Periasamy v PP [1996] 1 MLJ 138 (dirujuk)
Raji Transport Sdn Bhd & Anor v Idayu Zulkafli [2004] 5 CLJ 479, MT (dirujuk)
Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214; [1976] 1 LNS 123, MP (dirujuk)
Tan Ah Kau v The Government of Malaysia [1997] 2 CLJ Supp 168, MT (dirujuk)
Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22; [1985] CLJ 323 (Rep) (dirujuk)
Tang Tung Thian & Anor v United Oriental Assurance Sdn Bhd [2000] 5 MLJ 696, MT (dirujuk)
Tay Koh Yat Bus Co Ltd v Chua Chong Cher & Ors [1972] 1 MLJ 183; [1972] 1 LNS 152, PC (dirujuk)

Siva Dharma (Siva Dharma & Associates) bagi pihak perayu/plaintif.
Norbaini (Murali B Pillai & Associates) bagi pihak responden/defendan.

Suraya Othman H:

PENGENALAN

[1] Ini adalah kes rayuan oleh perayu/plaintif melalui notis rayuan bertarikh 21 Februari 2006 terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen bertarikh 17 Februari 2006 atas isu liabiliti dan quantum. Hakim mahkamah sesyen tersebut telah memutuskan bahawa tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

LATARBELAKANG KES

[2] Pada atau lebih kurang pada 7 Ogos 1998, plaintif secara sah menunggang motosikal no pendaftaran BES 5347 dan telah menunggang dari Alam Megah ke Bulatan Alam Megah.

[3] Berdasarkan keterangan plaintif, apabila beliau tiba di persiaran Kelang, Taman Alam Megah, Shah Alam sebuah motorlori daripada arah bertentangan secara tiba-tiba membelok ke kanan dan masuk ke laluan plaintif dan seterusnya melanggar plaintif serta motosikal No BES 5347.

[4] Merujuk kepada keterangan defendan pula, defendan menyatakan bahawa walaupun beliau memandu motorlori bernombor WFV 5606 pada

masa tersebut, beliau tidak terlibat dengan kemalangan tersebut di sepanjang jalan yang berkaitan.

PENEMUAN FAKTA OLEH HAKIM MAHKAMAH SESYEN

Isu liabiliti

[5] Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah mendapati bahawa plaintif tidak mengetahui no pendaftaran motorlori yang telah melanggar beliau. Walaupun beliau menyatakan No WFV 5606 di dalam laporan polis beliau, nombor tersebut sebenarnya telah diberikan oleh seorang anggota polis ketika beliau membuat laporan tersebut.

[6] Hakim mahkamah sesyen juga mendapati bahawa anggota polis bernama Lans Koperal Silvarajoo (SP7) telah tiba di tempat kejadian sekitar 9.45 malam dan menyatakan bahawa beliau telah mencatatkan no pendaftaran WFV 5606 setelah menerima maklumat daripada orang awam, namun begitu beliau tidak mengambil maklumat individu tersebut atas alasan ketika itu beliau sedang sibuk mengawal lalulintas. SP7 juga menyatakan bahawa kertas siasatan tidak dapat dikemukakan di mahkamah kerana ia tidak dapat dikesan. Mengenai isu ini, hakim perbicaraan yang bijaksana telah menyatakan bahawa kertas siasatan adalah sangat penting untuk menyokong kes plaintif dalam membuktikan isu liabiliti.

[7] Selanjutnya, hakim perbicaraan tersebut mendapati bahawa pegawai penyiasat yang bernama Rizal Huzaini (SP 8) bukan seorang saksi yang jujur kerana memberikan keterangan yang bercanggah atas sebab yang sukar untuk dipercayai. Di mana berdasarkan surat kepada Associated Adjusters Sdn Bhd dan juga akuan bersumpah yang diikrarkan pada 30 Disember 2000, beliau menyatakan bahawa motorlori No WFV 5606 tidak teriibat dengan kemalangan tersebut. Ini bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan di mahkamah yang menyatakan bahawa motorlori tersebut terlibat dengan kemalangan.

[8] Secara kesimpulannya, hakim mahkamah sesyen yang terpelajar telah memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan bahawa motorlori No WFV 5606 telah terlibat dengan kemalangan tersebut atas alasan; keterangan SP8 melibatkan percanggahan yang ketara, keterangan SP7 yang diberikan mengenai cara beliau memperolehi nombor pendaftaran motorlori tersebut dan kehilangan kertas siasatan adalah sukar diterima dan juga tiada sebarang bukti bahawa terdapat kerosakan pada motorlori tersebut.

KEPUTUSAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN MENGENAI ISU KUANTUM

[9] Dalam perkara ini, perayu/plaintif hanya merayu terhadap award-award berikut:

(a) Hakim mahkamah sesyen memutuskan bahawa award bagi ganti rugi am secara global berjumlah RM185,000 bagi semua kecederaan adalah berpatutan selaras dengan kes *Cheng Siak Hor t/a United Penang Trading & Transport Agency & Anor v Rozali bin Ahmad* [2002] 7 MLJ 275.

(b) Adalah diputuskan bahawa award yang munasabah dan wajar bagi kos penjagaan jururawat sebanyak RM400 sebulan.

(c) Adalah juga diputuskan bahawa award bagi kos lampin pakai buang sebanyak RM150 sebulan adalah mencukupi.

(d) Hakim mahkamah sesyen telah memutuskan award bagi kehilangan pendapatan sebanyak RM1,034 sebulan dan perbelanjaan perayu/plaintif sebanyak RM200 sebulan dan selanjutnya memutuskan bahawa jumlah kehilangan pendapatan adalah sebanyak RM800 sebulan.

HUJAHAN PEGUAM PERAYU / PLAINTIF

Liabiliti

[10] Adalah menjadi hujahan Encik R Siva Dharma, peguam bagi perayu/plaintif bahawa terdapat individu yang menggunakan lesen memandu defendan pertama (SD 2) dan menyamar menjadi SD 2. Peguam plaintif seterusnya menghujahkan bahawa individu tersebut merupakan pemandu motorlori tersebut pada setiap masa yang material. Atas alasan ini, peguamcara plaintif menghujahkan bahawa memandangkan individu yang menyamar tersebut tidak dipanggil memberikan keterangan, maka keterangan defendan kedua yang menyatakan bahawa beliau adalah pemandu lori tersebut harus ditolak dan selanjutnya keterangan beliau yang menafikan sebarang pelanggaran di antara motosikal dan motorlori tersebut juga harus diketepikan.

[11] Peguam plaintif seterusnya menghujahkan bahawa motorlori tersebut telah meninggalkan KPAL dalam jam 9.30 malam pada 7 Ogos 1998 dan memasuki Proton pada jam 9.45 malam pada tarikh yg sama, seterusnya motorlori tersebut telah melalui kawasan kemalangan di antara 9.30 malam dan 9.45 malam pada 7 Ogos 1998 sebagaimana keterangan yang dikemukakan oleh SP5 dan SP6. Oleh itu, peguamcara bagi plaintif

merumuskan bahawa motorlori tersebut berada di tempat kemalangan dalam masa yang hampir dengan masa kemalangan dan melalui laluan yang sama ketika kemalangan berlaku.

[12] Peguam perayu/defendan juga berhujah bahawa Lans Koperal Silvarajoo (SP7) telah memberikan keterangan bahawa beliau merupakan anggota polis yang pertama tiba di tempat kemalangan dalam jam 9.45 malam pada tarikh 7 Ogos 1998. Berdasarkan keterangannya, beliau telah diberikan nombor pendaftaran motorlori yang terlibat dengan kemalangan tersebut oleh orang awam. Beliau telah mencatatkan nombor tersebut di atas sehelai kertas dan telah menyerahkannya kepada pegawai penyiasat (SP8) yang tiba ditempat kemalangan selepas itu. SP7 tidak mengambil maklumat orang awam yang memberikan nombor tersebut kerana beliau sibuk mengawal lalulintas. Atas alasan ini, peguam perayu/plaintif berhujah bahawa hakim mahkamah sesyen terkhilaf kerana gagal menerima keterangan SP7 memandangkan beliau adalah saksi bebas dan keterangan beliau tidak dicabar ketika pemeriksaan balas.

[13] Peguam perayu/plaintif menyatakan bahawa terdapat percanggahan keterangan yang material oleh defendan kedua (SD 1). Di dalam laporan polis pertama oleh SD2 yang bertarikh 23 Disember 1998 (eksh D9) beliau telah mengakui bahawa pelanggaran di antara motosikal dan motorlori tersebut telah berlaku, namun selepas itu SD1 telah membuat akuan berkanun bertarikh 22 Mac 1999 (eksh D15) dan laporan polis bertarikh 22 Julai 1999 di mana kandungannya menafikan penglibatan beliau dalam kemalangan tersebut dan bahawa beliau telah dipujuk oleh Encik Muthu dalam membuat laporan polis (D9) tersebut. SD1 juga menafikan pelanggaran tersebut dalam keterangannya di dalam mahkamah. Di atas isu ini, peguam perayu/plaintif berhujah bahawa keterangan SD1 wajar ditolak kerana percanggahan tersebut, oleh itu beliau bukan seorang saksi yang boleh dipercayai. Untuk menyokong hujah ini, peguam perayu/plaintif mengemukakan kes *Periasamy v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 138, *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] MLJ 105 dan *Mohamed bin Kasdi v Public Prosecutor* [1969] 1 MLJ 135.

[14] Dalam berhujah mengenai isu liabiliti, peguam perayu/plaintif menyatakan bahawa defendan kedua hendaklah diputuskan mempunyai vikarious liabiliti secara 100% kerana pekerja atau agennya yang memandu motorlori tersebut telah secara tiba-tiba dan tanpa memberikan sebarang isyarat telah membelok ke kanan dan memasuki laluan plaintif yang bertentangan dalam usahanya untuk membuat pusingan 'U'. Di dalam keadaan ini, plaintif tidak mampu untuk mengambil sebarang langkah yang sesuai untuk mengelakkan kemalangan tersebut dari berlaku. Peguam cara plaintif mengemukakan kes *Govinda Raju & Anor v Laws* [1966] 1 MLJ 188.

Kuantum

[15] Peguam perayu/plaintif jelas tidak bersetuju terhadap beberapa award

yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen. Peguam perayu/plaintif hanya mempertikaikan award-award yang berikut:

(a) Award bagi ganti rugi am berjumlah RM185,000 yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen adalah terlalu rendah kerana jumlah yang sepatutnya diberikan ialah RM225,000. Untuk menyokong hujahan ini, peguam perayu/plaintif menggemukakan kes-kes berikut; *Tan Ah Kau v The Government of Malaysia* [1997] 2 CLJ Supp 168, *Raji Transport Sdn Bhd & Anor v Idayu Zulkafli* [2004] 5 CLJ 479, dan *Mohamad Khirul Mizan Shafie & Anor v Yue Ah Kai* [2002] 8 CLJ 672.

(b) Award bagi kos penjagaan jururawat sebanyak RM400 sebulan yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen adalah terlalu rendah memandangkan jumlah yang wajar diberikan adalah RM800 sebulan. Berkenaan isu ini, peguam perayu/plaintif merujuk kes *Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors* [1995] 2 MLJ 646; [1995] 3 CLJ 395 dan *Manogharan a/l Veramuthu & Anor v Fauziah Md Isa* [2005] 5 MLJ 34; [2005] 3 CLJ 217.

(c) Award bagi kos lampin pakai buang sebanyak RM150 sebulan yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen adalah tidak mencukupi dan diberikan tanpa asas serta bukti. Jumlah yang wajar diberikan adalah sebanyak RM300 sebulan kerana perayu/plaintif memerlukan lima hingga enam lampin pakai buang untuk tempoh sehari sebagaimana di sahkan oleh Dr Manukaran. Harga bagi sekotak lampin pakai buang yang mengandungi sepuluh unit adalah RM10, oleh itu jumlah sebulan adalah RM300.

(d) Awad bagi kehilangan pendapatan sebanyak RM1,034 sebulan dan perbelanjaan perayu/plaintif sebanyak RM200 sebulan oleh hakim mahkamah sesyen dan selanjutnya memutuskan bahawa jumlah kehilangan pendapatan adalah sebanyak RM800 sebulan adalah satu kekhilafan. Ini adalah kerana berdasarkan jumlah pendapatan perayu/plaintif jumlah kehilangan pendapatan yang wajar diputuskan ialah RM1,273 dan jumlah perbelanjaan wajar ditetapkan sebanyak RM150 sebulan.

HUJAHAN PEGUAM RESPONDEN/DEFENDAN

Liabiliti

[16] Cik Norbaini bt Mohamed, peguam responden/defendan menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi ini hanya boleh dan perlu campur tangan di dalam penghakiman hakim mahkamah sesyen bagi isu liabiliti seandainya keterangan-keterangan penting telah disalahtafsirkan oleh beliau ataupun hakim mahkamah sesyen telah salah arahkan diri beliau dengan

keterangan-keterangan yang dikemukakan sehingga menyebabkan beliau memutuskan bahawa tuntutan perayu/plaintif ditolak dengan kos. Atas dasar ini, peguam responden/defendan menghujahkan bahawa berdasarkan alasan penghakiman oleh hakim mahkamah sesyen, tidak terdapat sebarang salahtafsir keterangan-keterangan penting atau sebarang salah arah diri beliau dalam menolak tuntutan perayu/plaintif. Untuk menyokong hujah ini, peguam responden/defendan telah mengemukakan kes *Johari bin Khalid & Anor v Mohamed Zamri bin Khalid & Anor* [1985] 1 ML J 142.

[17] Peguam responden/defendan juga menjelaskan bahawa defendan telah mengesahkan bahawa beliau adalah orang yang memandu motorlori No WFV 5606 pada tarikh 7 Ogos 1998. Hakim mahkamah sesyen juga dengan jelas menyatakan bahawa defendan kedua adalah pemandu motorlori tersebut setelah menerima keterangan dan penjelasan defendan kedua. Oleh yang demikian, peguam responden/defendan menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen telah berpeluang meneliti perilaku ('demeanour') defendan kedua dan saksi-saksi lain semasa mereka memberi keterangan. Maka dengan ini, Mahkamah Tinggi ini tidak berada dalam kedudukan yang baik untuk mengubah penghakiman mahkamah sesyen. Peguam responden/defendan mengemukakan kes *Tang Tung Thian & Anor v United Oriental Assurance Sdn Bhd* [2000] 5 MLJ 696 untuk mengukuhkan hujahan beliau dalam isu ini.

[18] Peguam responden/defendan selanjutnya menghujahkan bahawa Hakim mahkamah sesyen telah membuat satu kesimpulan yang tepat dengan menyatakan bahawa SP8 bukanlah seorang saksi yang boleh dipercayai. Alasan yang dikemukakan oleh SP8 bahawa beliau didorong oleh pihak 'adjuster' dalam membuat eksh D13 adalah tidak munasabah kerana sebagai seorang pegawai polis beliau tidak wajar tunduk atas dorongan pihak 'adjuster'. Atas perkara ini juga peguam responden/defendan menghujahkan bahawa beban bukanlah terletak di atas bahu responden/defendan untuk mendapatkan pengesahan dari pihak 'adjuster' sama ada SP 8 didorong oleh pihak 'adjuster' untuk membuat eksh D-13. Ini adalah kerana SP8 telah membuat dakwaan tersebut, maka perayu/defendan adalah pihak yang perlu membuktikan dakwaan tersebut dengan mendapatkan pengesahan dari pihak 'adjuster'. Prinsip ini dinyatakan di dalam kes *Tang Tung Thian & Anor v United Oriental Assurance Sdn Bhd* [2000] 5 MLJ 696.

[19] Seterusnya peguam responden/defendan juga menghujahkan bahawa perayu/plaintif telah gagal membuktikan secara konklusif bahawa motorlori defendan kedua adalah motorlori yang terlibat di dalam kemalangan tersebut. Ini kerana melalui keterangan SP5 dan SP6, plaintif hanya berjaya membuktikan tentang perjalanan dan waktu motorlori keluar masuk kilang tersebut, namun begitu keterangan mereka sama sekali tidak membuktikan bahawa motorlori defendan kedua telah terlibat di dalam kemalangan dengan

plaintif. Berdasarkan hujahan ini, peguam defendan mengemukakan kes *Ng Chul Sia v Maimon bt Ali* [1983] 1 MLJ 110, di mana mahkamah memutuskan:

> In an action for negligence the onus of proving the allegation of negligence rests on the person who makes it unless they are disclosed facts which raise a presumption in favour of the plaintiff. The plaintiff must show affirmatively that there has been a breach of a specific of general duty by the defendant and this resulted in the damage of the plaintiff. If he fails to prove this action must fail.

Isu kuantum

[20] Peguam responden/defendan menghujahkan bahawa penilaian dan awad yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen adalah munasabah, adil dan berpatutan dengan kecenderungan semasa. Untuk mengukuhkan hujahan responden/defendan, peguam responden/defendan merujuk kepada kes *Tan Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22 dan kes *Lim Joo Chiang v Lim Siew Choo & Anor* [1955] MLJ 201.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM ISU LIABILITI

[21] Sebagai mahkamah yang menjalankan kuasa rayuan, mahkamah ini tidak boleh sewenang-wenangnya mengganggu ('interfere') atau menggantikan penemuan fakta yang dibuat oleh hakim bicara. Ini adalah kerana mahkamah yang menjalankan kuasa rayuan tidak mempunyai kelebihan untuk melihat atau mendengar sendiri saksi-saksi mengemukakan keterangan. Terdapat banyak kes-kes yang menggariskan dan menjelaskan pemakaian prinsip ini. Kes-kes yang boleh dijadikan rujukan adalah seperti berikut:

(a) *Ludhiana Transport Syndicate & Anor v Chew Soo Lan & Anor* [1979] 2 MLJ 207; [1979] 1 LNS 50, di mana Privy Council telah memutuskan:

> An appeal court should be most wary of upsetting the finding of the trial Judge, who has seen and heard the witnesses, upon the basis of theories of their own as to the general probabilities, which have not been fully tested at the trial. Their Lordships consider, with the greatest respect, that the Federal Court have fallen into that sort of error in the present case. It is to be kept in view that it was for the plaintiffs to prove that the accident was caused, to some extent at least, by the fault of the lorry driver. The only evidence in support of their case was that of the car driver, but the trial Judge rejected it. It is a strong step for an appeal Court, which neither saw nor heard the witnesses, to hold that the trial Judge was wrong to do so. Here the Federal Court have not only done that, partly on their view as to the general probabilities and partly by attaching significance to pieces of evidence in themselves completely neutral, but they have reached a contrary finding as to the cause of the accident which was not supported by

any witness at the trial, and which necessarily involves, furthermore, that the car driver cannot have been telling the truth when he said he was driving as close as could be to his own side of the road.

(b) *Tay Koh Yat Bus Co Ltd v Chua Chong Cher & Ors* [1972] 1 MLJ 183; [1972] 1 LNS 152, Lord Pearson di dalam Privy Council:

> When findings of primary fact by the trial judge have been based on his view as to the comparative credibility of opposing witnesses, and that view has been reached by observation of the witnesses as they gave their evidence, an appellate tribunal needs very strong grounds to justify a reversal of such findings. There are numerous authorities to that effect, and the Federal Court evidently had them in mind. It will be sufficient to cite a passage from Lord Sumner's opinion in *Owners of Steamship Hontestroom v Owners of Steamship Sagaporack* [1927] AC 37 at p 40, which was cited and adopted by Lord Wright in *Powell and Wife v Streatham Manor Nursing Home* [1935] AC 243 at pp 264 and 265:
>
> > Of course, there is jurisdiction to retry the case on the shorthand note, including in such retrial the appreciation of the relative values of the witnesses, for the appeal is made a rehearing by rules which have the force of statute: Order LVIII, r. 1. It is not, however, a mere matter of discretion to remember and take account of this fact; it is a matter of justice and judicial obligation. None the less, not to have seen the witnesses puts appellate judges in a permanent position of disadvantage as against the trial judge, and, unless it can be shown that he has failed to use or has palpably misused his advantage, the higher court ought not to take the responsibility of reversing conclusions so arrived at, merely on the result of their own comparisons and criticisms of the witnesses and of their own view of the probabilities of the case.

(c) *Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip* [1984] 2 MLJ 28; [1984] 1 CLJ 310 (Rep); [1984] 2 CLJ 281, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> The approach to the exercise of the power available to an appellate court is as stated by Lord Denning MR in *Kerry v Carter* [1969] 1 WLR 1372 where he said:
>
> > I think that the attitude of this court was correctly stated in that case (*Brown v Thompson* [1968] 1 WLR 1003 at p 1012, by Edmund Davies LJ when he quoted from the judgment of Sellers LJ in *Qunitas v National Smelting Board* [1961] 1 WLR 401, 409). This court adopts in regard to apportionment the same attitude as it does to damages. We will interfere if the judge has gone wrong in principle or is shown to have misapprehended the facts; but, even if neither of these is shown, we will interfere if we are of opinion that the judge was clearly wrong.

(d) *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formely known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> It is settled principle of law that in an appeal, where facts have to be reviewed, it is undesirable that the findings of the court below should be disturbed by a court of appeal unless it appears that those findings are clearly wrong, and more especially that it is undesirable to do so where the conclusions reached must to a large extent depend on the credibility of the witnesses and the impression formed by a court which has seen them and can judge their honesty and accuracy (*Crofter Hand Woven Harris Tweed Co Ltd & Ors v Veitch & Anor* [1942] 1 All ER 142 (HL) per Lord Porter at p 167).

[22] Di dalam kes ini, antara hujahan yang ditimbulkan oleh peguam perayu/plaintif adalah hakim mahkamah sesyen tidak wajar menerima keterangan defendan kedua kerana terdapat individu yang menyamar sebagai defendan pertama (S2) dan telah memandu motorlori tersebut. Peguam perayu/plaintif juga berhujah bahawa terdapat percanggahan yang ketara dalam keterangan defendan kedua (SD2) oleh itu keterangan defendan kedua wajar ditolak oleh mahkamah. Dalam membincangkan hujahan ini, saya berpendapat bahawa keputusan hakim mahkamah sesyen menerima keterangan defendan kedua adalah wajar. Ini adalah kerana beliau adalah hakim bicara yang sememangnya layak untuk menentukan sama ada keterangan defendan kedua wajar ditolak kerana bercanggah dengan laporan polis yang dibuat olehnya (eksh D9). Saya percaya beliau mempunyai kelebihan 'audio-visual' dalam menilai dan menimbangkan kredibiliti saksi-saksi dan keseluruhan keterangan di hadapannya. Pendekatan ini selaras dengan penjelasan dan pendekatan yang dibuat oleh Gopal Sri Ram JCA (ketika itu) di dalam kes *Commercial Union Assurance (M) Sdn Bhd v Ng Chek Hung and another appeal* [1997] 2 MLJ 465; [1997] 3 CLJ 189:

> The totality of Mr Royan's attack against the learned judge's finding against the first ground is really based on judicial appreciation of evidence to which the audio visual advantage rule applies. The complaints made by Mr Royan are, I think, sufficiently met by the following passage in the speech of *Lord Shaw in Clarke v Edinburgh Tramways Co* [1919] SC (HL) 35 at p 36:
>
> When a judge hears and sees witnessed and makes a conclusion or inference with regard to what on balance is the weight of their evidence, that judgment is entitled to great respect, and that quite irrespective of whether the judge makes any observations with regard to credibility or not. I can of course quite understand a Court of Appeal that says that it will not interfere in a case in which the judge has announced as part of his judgment that he believes one set of witnesses, having seen them and heard them, and does not believe another. But that is not the ordinary case of a cause in a court of justice. In courts of justice in the ordinary case, things are much more evenly divided; witnesses without any conscious bias towards a

A conclusion may have in their demeanour, in their manner, in their hesitation, in the nuance of their expressions, in even the turns of the eyelid, left an impression upon the man who saw and heard them which can never be reproduced in the printed page. What in such circumstances, thus psychologically put, is the duty of an appellate court?

B In my opinion, the duty of an appellate court in those circumstances is for each judge of it to put to himself, as I now do in this case, the question: am I — who sit here without those advantages, sometimes broad and sometimes subtle, which are the privilege of the judge who heard and tried the case — in a position, not having those privileges, to come to a clear conclusion that the judge who had them was plainly wrong? If I cannot be satisfied in my own mind that the judge with those privileges was plainly wrong, then it appears to me to be my duty to defer to his judgment.

D **[23]** Berdasarkan alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen, beliau telah memberikan alasan-alasan yang kukuh mengapa beliau patut dan wajar menerima keterangan defendan kedua (SD1). Berikut diturunkan alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen tersebut mengenai isu ini (ms 68 rekod rayuan):

E The defendant had denied having being involved in the accident. Although he had made a police report D7 stating that his motor lorry was involved, he subsequently lodged a report D12 stating to the contrary. The defendant (SD 1) explanation as to why he made the report D7 in the first place was reasonable as he was coerced into making the false report by Muthu who requested him to help the victim of the F accident. SD 1 claimed that Muthu was from a legal firm. The version of SD1 was also supported by by the statutory declaration D13. Who drove the motorlorry is also not a relevant issue here as the crux of the case is whether the motorlorry was involved in the accident.

G **[24]** Secara ringkasnya dapatlah dirumuskan bahawa pendekatan hakim mahkamah sesyen adalah sejajar dengan keputusan kes Mahkamah Rayuan, *Karumalay a/l Vanniyan & Anor v Ananthan a/l Rethinam* [2005] 3 MLJ 600; [2005] 2 CLJ 429, di mana mahkamah tersebut menjelaskan:

H A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any I motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon the demeanour of a witness without undertaking a critical analysis of what witness's evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for

decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same. There are a number of important and leading cases in which the point has been considered.

[25] Mengenai hujahan peguam perayu/plaintif yang berpendapat bahawa keterangan Lans Koperal Silvarajoo (SP7) dan pegawai penyiasat (SP8) hendaklah diterima walaupun nombor kenderaan motorlori diperolehi dari orang awam dan juga tanpa kertas siasatan berkaitan atas alasan mereka adalah saksi bebas, saya berpandangan bahawa keterangan mereka tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa kemalangan tersebut melibatkan motorlori bernombor WFV 5606 tersebut. Ini adalah kerana beban pembuktian adalah atas imbangan kebarangkalian dan beban tersebut hendaklah dibuktikan oleh perayu/plaintif bahawa keterangan yang dibawa oleh perayu/plaintif mencukupi untuk menunjukkan bahawa responden/defendan telah cuai dan menyebabkan kemalangan itu berlaku. Kes yang berkaitan dengan prinsip ini ialah *Mohd Yusof bin Mohd Rakim & Anor v Shanta a/p Periasamy & Anor* [2006] 5 MLJ 825; [2006] 3 CLJ 825 di mana mahkamah memutuskan:

… There was no duty on the part of the first defendant to prove that there was not negligent for the accident until the plaintiffs have established negligence against the first defendant which the plaintiffs had failed.

[26] Di dalam kes *Nanyang Development (1966) Sdn Bhd v How Swee Poh* [1970] 1 MLJ 145; [1969] 1 LNS 116 (FC), Azmi KHN juga menyatakan prinsip yang sama mengenai beban pembuktian iaitu:

That rule means 'he burden of proving' a fact rests on the party who substantially asserts the affirmative of the issues and not upon the party who denies it.

[27] Berdasarkan prinsip yang diputuskan di dalam kes-kes yang tersebut di atas, saya bersetuju dengan alasan dan dapatan fakta oleh hakim mahkamah sesyen yang telah dikupas di dalam alasan penghakiman beliau dan selanjutnya diturunkan seperti berikut (ms 68 rekod rayuan):

In the event, it is my considered view that the plaintiff had not proven that the defendant's motor lorry WFV 5606 was involved in the accident. Among reason being SP8's evidence was full of contradiction, SP7's evidence as to how he obtained the number WFV 5606 without obtaining any details of the informer and his evidence with regard to the missing investigation papers were incredible and unacceptable and that there was no damage to the motor lorry. As such the plaintiff has not proven his case on the balance of probabilities.

[28] Sebagai kesimpulan bagi isu liabiliti, setelah meneliti rekod rayuan serta selepas menimbangkan hujahan oleh kedua-dua pihak, saya mendapati bahawa hakim mahkamah sesyen telah membuat satu dapatan dan keputusan yang betui mengenai isu liabiliti dalam kes ini. Keputusan hakim mahkamah sesyen menolak versi plaintif atas alasan keterangan plaintif yang bercanggah-canggah selain tidak disokong oleh keterangan bisu adalah satu keputusan yang betul. Saya juga berpuas hati bahawa perayu/plaintif gagal untuk menunjukkan bahawa keputusan beliau adalah khilaf di sisi undang-undang dan bertentangan dengan keberatan keterangan yang dikemukakan di hadapannya yang mewajarkan gangguan dibuat terhadap penemuan fakta tersebut. Oleh yang demikian, keputusan hakim mahkamah sesyen menolak tuntutan plaintif di sini juga adalah merupakan satu keputusan yang betul dan keputusan itu tidak wajar diganggu atau diubah pada peringkat ini.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM ISU KUANTUM

[29] Prinsip undang-undang yang berkaitan dalam menentukan rayuan mengenai isu kuantum ganti rugi adalah jelas dan mantap. Secara ringkasnya, prinsip ini menggariskan bahawa award yang telah diberikan oleh hakim yang membicarakan hanya akan diganggu dalam keadaan-keadaan yang terhad sahaja. Bagi membolehkan sesuatu keputusan hakim yang membicarakan diganggu, mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah berpuashati dan yakin bahawa hakim yang membicarakan telah membuat keputusan berlandaskan prinsip undang-undang yang salah ataupun jumlah yang diawardkan adalah terlalu tinggi atau terlalu rendah. Prinsip undang-undang ini dijelaskan di dalam kes *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214; [1976] 1 LNS 123, Wan Suleiman HMP menyatakan:

> The principle upon which an appellate court will interfere with an award of damages made by a judge sitting alone has been stated by Lord Wright in *Davies v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1942] AC 601 at pp 616–617 at pp 616–7 as follows:
>
> Where the award is that of the judge alone, the appeal is by way of rehearing on damages as on all other issues, but as there is generally so much room for individual choice so that the assessment of damages is more like an exercise of discretion than an ordinary act of decision, the appellate court is particularly slow to reverse the trial judge on a question of the amount of damages. It is difficult to lay down any precise rule which will cover all cases, but a good general guide is given by Greer LJ in *Flint v Lovell*. In effect the court, before it interferes with an award of damages, should be satisfied that the judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these or other reasons made a wholly erroneous estimate of the

damage suffered. It is not enough that there is a balance of opinion or preference. The scale must go down heavily against the figure attacked if the appellate court is to interfere, whether on the ground of excess or insufficiency.

Thus the appellant here has to convince us that the learned trial judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered.

[30] Prinsip undang-undang tersebut juga telah diterangkan secara terperinci di dalam kes *Tan Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22; [1985] CLJ 323 (Rep); [1985] 1 CLJ 429 di mana Mahkamah Persekutuan menjelaskan:

Now, in an appeal on quantum of damages, it is essential in order to come to a conclusion to bear in mind certain principles which are well established. The appeal court is slow, indeed, disinclined to interfere with the Judge's finding merely because the appeal court thinks that if the case had been before it in the first instance a lesser sum would have been awarded. Azmi CJ (Malaya) (as he then was) giving the judgment of the Federal Court in *Topaiwah v Salleh* [1968] 1 LNS 161 said that:

In order to justify reversing the trial Judge on the question of the amount of damages it will generally be necessary that this court should be convinced either that the judge acted on some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damages to which the plaintiff is entitled (See *Flint v Lovell* [1935] 1 KB 354).

In *Greenfield v London and North Eastern Railway Company* [1945] KB 89, MacKinnon LJ had this to say:

The principle on which the Court of Appeal reviews the assessment of damages, whether too high or too low, is not because the Court of Appeal might have given rather more or rather less, but only (1) if the judge has omitted some relevant consideration or admitted some irrelevant consideration, or (2) if the amount is so excessive, or insufficient, as to be plainly unreasonable.

Lord Evershed MR in *Wilson v Pillay* [1957] 3 All ER 525 at 526 emphasised that:

... interference by this court with an award of damages by the trial Judge must be a rare thing, and may I say that it should be perhaps even rarer inrelatively small cases tried in the County Court. No one would suggest that, because this Court thought that the damages, small in any case, were rather on the low side, this court could consider for a moment slightly raising the figure or adopting the converse course in a different kind of case. In other words, the onus on an appellant seeking to interfere with an award of damages, particularly within this sort of scale, is a heavy one.

We would also refer to *Elliot v Preston* [1971] 2 Lloyds Rep 328 where Salmon LJ had this to say:

Before we can interfere, there has to be (in the phrase which is hallowed, but has now I think a rather archaic ring) a wholly erroneous estimate of damage. That I have

A always regarded as meaning that a court has to be satisfied that it is very wrong. If you are satisfied that it is wrong, and seriously worng, then not only is this court entitled to interfere, but it is its duty to interfere. I would agree … that you cannot say, if it is wrong by such and such a per cent, you do interfere, and if it is not you do not. I think each case stands by itself, and a great deal depends upon the amount of the award.

B

The principle that should guide this court in determining whether it should interfere with the quantum of damages is crystal clear. What is also clear is that much depends on the circumstances of each case in particular the amount of the award. In a particular case therefore it is for the appeal court to consider whether in the light of the circumstances of that case there is an erroneous estimate of the amount of the damage in that, either there was an omission on the part of the judge to consider some relevant materials, or he had admitted for purpose of assessment some irrelevant considerations. If the court is satisfied or convinced that the judge has acted upon wrong principle of law then it is justified in reversing; indeed, it is its duty to reverse the finding of the trial judge.

C

D

[31] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, perayu/plaintif hanya merayu terhadap sebahagian award yang diberikan. Oleh itu, saya hanya membincangkan award yang berkaitan sahaja bagi tujuan rayuan ini.

E

[32] Berkenaan dengan award secara global yang berjumlah RM185,000 bagi semua kecederaan dan kecacatan, pada pandangan saya, ia adalah munasabah. Oleh itu, award tersebut wajar dikekalkan.

F **[33]** Berhubung dengan isu award bagi kos penjagaan jururawat sebanyak RM400 sebulan yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen, saya berpendapat bahawa tidak ada hujah-hujah yang kukuh dan meyakinkan dikemukakan yang boleh menunjukkan bahawa award tersebut perlu diganggu. Oleh itu, award tersebut adalah munasabah untuk dikekalkan.

G

[34] Dalam memutuskan isu award bagi kos lampin pakai buang sebanyak RM150 sebulan yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen, saya juga berpendapat bahawa award tersebut adalah munasabah, tidak terlalu tinggi dan juga tidak terlalu rendah.

H

[35] Bagi isu kehilangan pendapatan, award yang diberikan bagi kehilangan pendapatan adalah sebanyak RM1,034 sebulan, saya dapati ini adalah berpatutan berdasarkan keterangan yang dikemukakan di dalam penyata

I

pendapatan (P4E). Selanjutnya keputusan untuk memutuskan sejumlah RM200 sebulan sebagai perbelanjaan perayu/plaintif adalah wajar dan munasabah.

[36] Dalam membuat keputusan berkaitan award-award tersebut, saya juga berpandukan kepada kes *Jamiah bt Holam v Koon Yin* [1983] 1 MLJ 103; [1982] 1 LNS 89, YA Hakim Hashim Yeop A Sani (ketika itu) telah menyatakan tentang peranan mahkamah rayuan dalam hal rayuan terhadap kuantum ganti rugi, seperti berikut:

> As regards the appeal on quantum it is an established approach for a court exercising appellate jurisdiction to adopt that in an appeal on quantum unless it can be shown to the satisfaction of the appellate court that the award is extremely inconsistent with the discernible trend or that the award was made on some misapprehension of facts or on some erroneous assumption of law or fact, the appellate court should not interfere.

[37] Untuk kesimpulan bagi isu kuantum, saya telah meneliti secara terperinci hujahan peguam perayu dan responden berkenaan dengan isu kuantum. Peguam perayu/plaintif telah mengemukakan banyak kes bagi menyokong hujah beliau untuk menunjukkan award-award yang telah diberikan itu terlalu rendah. Walau bagaimanapun, beliau tidak berjaya untuk membuktikan atau memuaskan hati mahkamah yang menjalankan kuasa rayuan ini bahawa the 'Judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these or other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered', berpandukan kepada prinsip yang dirujuk oleh kes *Rasidin bin Partojo v Frederick Kiai*. Oleh itu, kesemua award yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen berhubung dengan isu kuantum tidak patut diganggu dan wajar untuk dikekalkan.

KESIMPULAN

[38] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya mengekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana dan adalah diputuskan bahawa rayuan perayu/plaintif adalah tidak bermerit dan ditolak dengan kos.

A *Rayuan plaintif ditolak dengan kos.*

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

B

C

D

E

F

G

H

I